

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 APRIL 2016

Nallakaruppan mahu pihak berkuasa bertegas ke atas Dr. Mahathir *um-20/4/2016*

KUALA LUMPUR 19 April - Seorang ahli Dewan Negara, Senator Datuk Seri S. Nallakaruppan, menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang ke atas Tun Dr. Mahathir Mohamad berikutan siri serangan bekas Perdana Menteri itu ke atas kerajaan.

Menurutnya, tindak-tanduk Dr. Mahathir yang sanggup bersekongkol dengan DAP hanya kerana ingin menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, bukan sahaja menggores hati banyak pihak tetapi merosakkan imejnya sebagai seorang negarawan.

Katanya, sikap ragu-ragu pihak berkuasa untuk bertindak ke atas bekas Perdana Menteri itu hanya memberi mesej yang salah kepada rakyat, sedangkan pelbagai tuduhan Dr. Mahathir ke atas kepemimpinan kerajaan terbukti tidak benar.

"Dr. Mahathir sekarang sampai sanggup turun ke pasar malam

hanya untuk memburukkan kerajaan dan menggulingkan Perdana Menteri. Ini semua tidak betul tetapi kenapa pihak berkuasa tidak bertindak. Saya desak tindakan segera diambil ke atas beliau.

"Sepatutnya kalau Dr. Mahathir mahu tukar kerajaan atau Perdana Menteri, beliau perlu tunggu Pilihan Raya Umum Ke-14, bukannya bertindak seperti sekarang ini," katanya semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Negara hari ini.

Dalam pada itu, beliau berkata, sepatutnya isu derma RM2.6 bilion



S. NALLAKARUPPAN

serta 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak perlu ditimbulkan lagi oleh Dr. Mahathir kerana Arab Saudi dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sudahpun memberi penjelasan.

Jelasnya, tindakan bekas Perdana Menteri itu berterusan memanipulasikan isu berkenaan membuktikan beliau mempunyai niat

politik yang tersirat di sebalik usaha menjatuhkan kepemimpinan Perdana Menteri.

"Saya lihat niatnya hanya satu iaitu mahu memastikan anaknya kembali mewarisi kepemimpinannya, beliau mahu anaknya menjadi Perdana Menteri," katanya.